



**SOARING  
UPWARDS**  
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# KONAKA

## KONFERENSI AKADEMIK

# 2016

Pengkongsian Ilmu Dari Perspektif Islam

30 November 2016 | Rabu  
UiTM Cawangan Pahang  
Kampus Jengka



UiTM Sentia

## **Penguasaan dan Penghayatan Surah Al-Fatihah di Kalangan Pelajar: Kajian Kes di Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang**

Ibrahim Mohd Sobki<sup>1\*</sup>, Sharifah Norhuda Syed Wahid<sup>2</sup>,  
Yusharina Yusof<sup>3</sup>, Muhammad Muzakkir Othman<sup>4</sup>

<sup>1,4</sup>Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA Pahang,  
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia  
ibrahim\_sobki@pahang.uitm.edu.my, ziekir@pahang.uitm.edu.my

<sup>2,3</sup>Faculty of Computer and Mathematical Sciences, Universiti Teknologi MARA Pahang,  
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia  
sha\_norhuda@pahang.uitm.edu.my, yusharina@pahang.uitm.edu.my

\*Penulis Rujukan

**Abstrak:** Al-Fatihah merupakan surah pembukaan bagi kitab suci Al-Quran. Surah ini juga sinonim dengan panggilan *Ummul Qur'an* atau *Ummul Kitab*, dan juga dikenali sebagai *As Sab'ul mathaani* yang membawa maksud tujuh yang berulang-ulang. Surah ini mempunyai tujuh ayat yang merupakan bacaan wajib dalam setiap solat yang didirikan. Kepentingan dalam menguasai surah ini dengan bacaan tajwid yang betul dan menghayati maksudnya telah dibuktikan melalui peranannya sebagai bacaan wajib dalam solat. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan bagi melihat tahap penguasaan surah Al-Fatihah khususnya di kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Soal selidik telah diedarkan kepada 48 pelajar ijazah sarjana muda di Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang yang terpilih. Analisa deskriptif menunjukkan bahawa secara purata pelajar ini telah menunjukkan tahap penguasaan yang sederhana dalam surah Al-Fatihah melalui ilmu tajwid yang betul. Tahap penghayatan terhadap surah Al-Fatihah juga menunjukkan respon yang sederhana. Dapatan dari kajian ini dapat dijadikan panduan kepada semua pihak terutamanya para pendidik untuk menambahbaik proses pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam menguasai bacaan Al-Quran agar bacaan tersebut mempraktikkan tajwid yang betul.

**Kata Kunci:** Al-Quran, Penghayatan, Surah Al-Fatihah

### **1. Pengenalan**

Al-Quran merupakan panduan hidup kepada seluruh umat Islam. Oleh itu membacanya menjadi satu tuntutan dalam Islam. Bahkan umat Islam dituntut bukan sahaja untuk membacanya, tetapi intisari ayat al-Quran perlu difahami, dihayati, serta perlu dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Surah pembukaan dan juga merupakan surah pertama dalam susunan kitab suci al-Quran adalah surah al-Fatihah yang terdiri daripada tujuh ayat. Pelbagai panggilan telah diberikan kepada surah ini termasuklah panggilan surah makkiah kerana surah ini diturunkan di Mekah. Namun, ada juga sebahagian ulama mengatakan surah ini diturunkan di Madinah. Walau bagaimana pun, pandangan pertama adalah lebih kuat berbanding pandangan kedua kerana perintah kefardhuan solat telah bermula di Mekah. Adalah sewajarnya al-Fatihah itu turunnya di Mekah bersesuaian dengan perintah tersebut.

Surah al-Fatihah merupakan surah yang wajib dibaca setiap kali menunaikan solat. Sekiranya ditinggalkan bacaannya, maka solat yang dilakukan adalah tidak sah memandangkan bacaannya merupakan rukun solat yang perlu dilaksanakan (Shahril Azman, 2016). Ini menunjukkan bahawa surah al-Fatihah sememangnya memainkan peranan yang penting dalam kehidupan umat Islam di mana setiap umat Islam akan membaca sekurang-kurangnya 17 kali sehari.

### **2. Kepentingan dan Keistimewaan Surah Al-Fatihah**

Imam Ibnu Kathir menjelaskan bahawa ulama telah menghuraikan berkenaan surah al-Fatihah secara mendalam. Jelasnya bahawa surah ini terdiri daripada 25 perkataan dan



mempunyai 113 huruf. Tambahnya lagi, surah ini merupakan ibu kepada kitab suci al-Quran, menjadi bacaan wajib dalam solat dan turut menyatakan bahawa surah ini memberi gambaran keseluruhan isi kandungan al-Quran (Irvan, 2014).

Dalam tafsir *al-Jami' Li Ahkamil Quran* oleh *Imam al-Qurtubi*, beliau menjelaskan tentang pengenalan surah al-Fatihah kepada 36 bab, yang membahaskan berkenaan pelbagai sudut keilmuan berkenaan al-Fatihah, di antaranya berkenaan pujian yang seharusnya diberikan kepada Allah SWT melalui surah al-Fatihah. Kemudian, berkenaan kalimah-kalimah atau zikir-zikir mulia yang perlu diucapkan oleh seorang hamba kepada TuhanNya. Seterusnya, turut dibincangkan berkenaan kesempurnaan iman berdasarkan pujian yang berterusan kepada Allah SWT dan banyak lagi perbincangan yang telah diperhalusi melalui ayat-ayat surah al-Fatihah ini untuk dijadikan rujukan. Ini menunjukkan betapa surah al-Fatihah ini mempunyai keistimewaan kepada umat Islam keseluruhannya dan kepada para pembaca al-Quran khususnya (*Imam al-Qurtubi, 2002*).

Memandangkan bacaan al-Fatihah merupakan bacaan mandatori yang harus dikuasai dan dihayati bacaannya dalam solat, apatah lagi sekiranya meninggalkan bacaan surah ini akan memberi kesan kepada sah atau tidaknya solat, maka seharusnya setiap umat Islam berusaha sebaik mungkin untuk menjaga segala perkara rukun yang terdapat dalam solat dengan penuh khusyuk. Ini kerana khusyuk menggambarkan keadaan jiwa yang tenang dalam mendapatkan solat yang berkualiti. Johari (2009) juga ada menyatakan dalam kajiannya bahawa penghayatan surah al-Fatihah ini menjadi suatu perkara penting kepada setiap Muslim untuk menunaikan solat.

Antara perkara penting dalam yang menjadi keutamaan setiap Muslim untuk menguasai surah al-Fatihah adalah berkenaan penguasaan ilmu tajwid dalam surah tersebut. Menurut Mahadi Dahlan (2010), ilmu tajwid merupakan suatu mekanisma penting dalam melihat cara bacaan termasuk panjang, pendek, dengung, idgham, tanwin, waqaf, ibtida' dan sebagainya serta tiada kesalahan pada huruf dan barisnya secara sempurna. Hukum mempelajari ilmu tajwid adalah fardhu kifayah tetapi mengamalkannya dalam surah al-Fatihah adalah fardhu ain kerana surah al-Fatihah adalah bacaan rukun dalam solat.

Kesinambungan dari penguasaan tajwid yang betul dalam surah al-Fatihah adalah tahap penghayatan setiap muslim terhadap surah tersebut. Penghayatan serba sedikit maksud ayat dalam surah al-Fatihah juga dititikberatkan bagi setiap Muslim. Ini kerana kandungan ayat-ayat dalam surah ini boleh memberi kesan kepada setiap Muslim termasuklah kepada mentaliti, tujuan hidup, rohani juga pegangan masing-masing. Ulama ada menyatakan cara untuk setiap Muslim mendapat khusyuk dalam solat adalah melalui beberapa cara. Antara cara tersebut adalah:

- i. hadirnya hati
- ii. memahami segala ucapan dalam solat
- iii. mengetahui maksud bacaan dalam solat
- iv. mengagungkan
- v. merasai kehebatan
- vi. mengharap
- vii. merasai sifat malu dalam diri

Anas (2015) dalam kajiannya menyatakan bahawa sekiranya setiap Muslim dapat mengamalkan sedikit panduan yang disarankan oleh ulama tersebut khususnya mengetahui maksud bacaan dalam solat terutamanya surah al-Fatihah. Mengetahui maksud apa yang dibaca dalam surah al-Fatihah akan turut membantu meningkatkan kualiti solat ke arah yang lebih baik dari masa ke semasa.

Seterusnya memfokuskan kepada keistimewaan surah al-Fatihah yang telah banyak disebut oleh para ulama. Berdasarkan kepada riwayat al-Bukhari, keistimewaan surah al-Fatihah adalah ia adalah seagung-agung surah dalam kitab suci al-Quran. Menurut kepada riwayat al-Darimi pula, surah al-Fatihah boleh dijadikan penawar dan ubat kepada segala penyakit

manusia. Imam Muslim juga ada meriwayatkan bahawa surah al-Fatihah adalah surah yang dikhususkan untuk umat Nabi Muhammad SAW sahaja. Selain dari tiga riwayat tersebut, terdapat banyak lagi riwayat yang menjelaskan tentang pelbagai keistimewaan surah al-Fatihah. Berdasarkan dalil-dalil yang dibawa oleh para ulama ini telah meyakinkan betapa pentingnya surah al-Fatihah kepada setiap umat Islam. Sewajarnya setiap Muslim seharusnya berasa beruntung kerana dikurniakan oleh Allah SWT satu surah yang mempunyai pelbagai keistimewaan kepada rasul terakhir, Nabi Muhammad SAW (Shahril Azman, 2016).

Penguasaan surah al-Fatihah dengan tajwid yang betul perlu dikuasai oleh setiap Muslim, seiring dengan penghayatan terhadap maksud setiap ayat dalam surah tersebut. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan bagi mengetahui tahap penguasaan dan juga penghayatan surah al-Fatihah di mana kumpulan sasaran adalah pelajar di institusi pengajian tinggi.

### 3. Metodologi Kajian

Seramai 48 orang pelajar tahun akhir program Ijazah Sarjana Muda Sains di Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang telah dipilih dalam kajian ini. Satu set soal selidik telah diberikan kepada setiap pelajar terpilih yang mengandungi dua bahagian berbeza; Bahagian A yang memfokuskan kepada demografi pelajar, manakala Bahagian B merujuk kepada penguasaan serta penghayatan surah al-Fatihah yang berbentuk skala Likert dari 1 (sangat tidak setuju) sehingga 10 (sangat setuju). Setiap soalan yang diberikan memerlukan tahap keyakinan yang tinggi dalam membuat pemilihan skala di mana setiap pelajar hanya yakin dengan dua pilihan skala, iaitu skala 1 dan juga skala 10 sahaja. Kajian ini dilakukan bagi menjawab dua objektif berikut.

- i. Untuk menilai penguasaan pelajar terhadap hukum hakam yang terdapat dalam surah al-Fatihah.
- ii. Untuk mengenalpasti tahap penghayatan pelajar terhadap maksud ayat dalam surah al-Fatihah.

### 4. Keputusan dan Perbincangan

Seramai 15 (31.25%) orang pelajar lelaki dan 33 (68.75%) pelajar perempuan berumur di antara 21 hingga 24 tahun telah terlibat secara langsung dalam kajian ini. Pengetahuan asas pelajar terhadap surah al-Fatihah menunjukkan bahawa kesemua pelajar (100%) amat yakin bahawa surah al-Fatihah mengandungi tujuh ayat, namun hanya 45 (93.75%) pelajar yang meyakini bahawa surah al-Fatihah merupakan ummul kitab (ibu/ induk) kepada kitab suci al-Quran. Seiring dengan itu juga, terdapat hanya 26 (54.17%) pelajar yang meyakini bahawa surah Al-Fatihah dikenali sebagai As Sab'ul Mathaani (tujuh yang berulang-ulang), yakni surah ini mempunyai tujuh ayat dan merupakan bacaan wajib dalam solat lima waktu (dibaca pada setiap rakaat). Lebih memanjatkan lagi bahawa ada juga pelajar (5, 10.42%) yang kurang yakin bahawa surah al-Fatihah merupakan surah yang wajib dibaca dalam solat lima waktu. Ini dikuatkan lagi dengan dapatan kajian yang mendapati tujuh (14.58%) pelajar berasa was-was dengan hukum solat yang didirikan sekiranya surah al-Fatihah tertinggal bacaannya. Ini menunjukkan bahawa ada juga segelintir pelajar yang masih belum mempunyai asas yang kukuh terhadap kepentingan surah al-Fatihah dalam solat seharian. Walaupun perkara ini dilihat dalam kuantiti yang kecil, namun impaknya sangat besar pada komuniti Islam keseluruhannya.

Seterusnya Jadual 1 berikut menunjukkan tahap keyakinan pelajar terhadap bacaan dan susunan ayat dalam surah al-Fatihah yang dibaca setiap hari iaitu sekurang-kurangnya 17 kali sehari, yakni dalam mendirikan solat lima waktu. Dapatan menunjukkan bahawa hanya 23 (47.92%), iaitu tidak mencapai separuh dari jumlah pelajar meyakini bacaan dan susunan surah al-Fatihah yang dibaca sewaktu mendirikan solat.

**Jadual 1.** Tahap Keyakinan Pelajar dalam Bacaan Surah al-Fatihah

Skala	Bilangan Pelajar (%)
5	5 (10.42%)
6	1 (2.08%)
7	3 (6.25%)
8	11 (22.92%)
9	5 (10.42%)
10	23 (47.92%)

**Jadual 2.** Penguasaan Pelajar terhadap Surah al-Fatihah

Soalan	Tajwid berdasarkan Potongan Ayat	Penguasaan Tepat	
		Hukum Tajwid	Bilangan Harakat
1	Ikhfaq Hakiki	40 (83.33%)	11 (22.92%)
2	Idzhar Halqi	38 (79.17%)	39 (81.25%)
3	Wajibul Ghunnah	7 (14.58%)	15 (31.25%)

Mahadi Dahlan (2010) ada menyatakan kepentingan mempelajari ilmu tajwid dalam kajiannya. Kajian ini juga telah memfokuskan kepada penguasaan pelajar terhadap hukum hakam tajwid yang terkandung dalam surah al-Fatihah. Menerusi tiga potongan ayat yang diuji, tiada satu potongan ayat yang menunjukkan kesemua pelajar dapat menguasainya dengan tepat. Sehubungan dengan itu, para pelajar perlu menambah pengetahuan terhadap ilmu tajwid bagi memastikan setiap bacaan surah yang terkandung dalam al-Quran dapat dibaca dengan tajwid yang tepat.

Objektif kedua kajian adalah bagi mengetahui tahap penghayatan pelajar terhadap maksud ayat-ayat dalam surah al-Fatihah menerusi empat soalan berbeza seperti disenaraikan dalam Jadual 3. Johari (2009) dalam kajiannya telah menggariskan kepentingan untuk menghayati intisari ayat-ayat surah al-Fatihah. Secara purata, para pelajar telah menunjukkan tahap penghayatan yang berskala sederhana (min = 5.38) yang sekaligus menggambarkan bahawa tahap penghayatan pelajar terhadap surah al-Fatihah adalah sangat membimbangkan (Jadual 3). Anas (2015) juga menyatakan bahawa kepentingan menghayati maksud ayat dalam surah al-Fatihah adalah dapat meningkatkan kualiti solat seseorang Muslim.

**Jadual 3.** Penghayatan Pelajar terhadap Surah al-Fatihah

Soalan	Keterangan	Min	Sisihan Piawai
1	Ayat keempat dalam surah al-Fatihah membawa maksud "Yang Menguasai Hari Pembalasan".	6.60	3.885
2	Golongan yang dimurkai Allah seperti yang disebut dalam ayat ketujuh adalah orang Islam yang tidak solat lima waktu.	5.04	3.175
3	Golongan yang dimurkai Allah seperti yang disebut dalam ayat ketujuh adalah orang Islam yang menipu timbangan dalam jualan.	4.08	3.079
4	Golongan yang dimurkai Allah seperti yang disebut dalam ayat ketujuh adalah orang Yahudi dan Nasrani.	5.77	3.544
	Keseluruhan	5.38	2.194

## 5. Kesimpulan dan Cadangan

Adalah menjadi suatu keutamaan untuk menjadikan al-Quran sebagai kitab yang penting dalam kehidupan kerana al-Quran merupakan mukjizat agung yang menjadi pegangan dan panduan hidup umat Islam keseluruhannya. Namun, penghayatan al-Quran yang syumul lagi tepat sangat perlu dipergiatkan bagi memastikan al-Quran dapat difahami bukan sahaja terjemahannya, tetapi juga perlu dibaca mengikut kaedah tajwid yang betul. Hasbullah (2014) pernah mengatakan bahawa ilmu al-Quran adalah ilmu yang sangat mulia di sisi Allah SWT dan mengetahui cara membaca al-Quran dengan bertajwid adalah salah satu kaedah yang patut dipraktikkan sepanjang masa. Dapatan kajian menunjukkan bahawa secara purata tahap penguasaan dan penghayatan pelajar terhadap surah al-Fatihah adalah pada tahap sederhana. Dapatan yang agak membimbangkan ini menunjukkan bahawa pelbagai pihak seharusnya mengambil pelbagai pendekatan bagi meningkatkan tahap penguasaan bacaan dengan tajwid yang betul ke arah yang lebih baik. Pendekatan yang dilakukan oleh ACIS UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka dalam menganjurkan kelas tahsin; kelas bacaan al-Quran dengan berpandukan modul tajwid yang melibatkan staf, perlu diperluaskan juga terhadap pelajar pada masa akan datang.

## 6. Rujukan

- Al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansori. (2002). *Al-Jami' Li Ahkamil Quran*, Darul Hadis, Kaherah.
- Al-Suyuti, Jalaluddin Abdul Rahman. (2000). *Itqan Fi U'lumil Quran*, Darul Kutub Ilmiah, Beirut.
- Anas Mohd Yunus. (2015). Ada Apa Dengan Solat, Mustread Sdn Bhd, Batu Caves. Ismail, M.F & Zakaria, S.N. (n.d). Retrieved 30 September 2016. *Persepsi Pelajar Terhadap Kajian Pembacaan Surah Al-Fatihah di kalangan pelajar Politeknik Kuching Sarawak*. Politeknik Kuching Sarawak.
- Hasbullah, M. R. (2014). *Ar Ruh Al Amin, Resam Uthmani*. Pustaka Syuhada: Kuala Lumpur.
- Irvan. (2014). Retrieved 11 November 2016. *Konsep Al-Quran dalam Ibadah Kajian Surat Al-Fatihah Ayat 1-7*. Universitas Islam Negeri. Jakarta.
- Johari Alias. (2009). *Amalan dan Ibadah Sehari-hari*. Darul Nukman, Kuala Lumpur.
- Mahadi Dahlan. (2010). *Tajwid Ilmi dan Amali*. Pustaka Haji Abdul Majid, Batu Caves.
- Shahril Azman Haji Abdul Halim. (2016). *Tafsir Surah Al-Fatihah*. Maktabah Al Ma'arif, Bandar Pusat Jengka.